

7 Pusat Dialisis Rakyat

Atas keprihatinan Kerajaan Negeri Selangor terhadap kesihatan dan kesejahteraan rakyat, Pusat Dialisis Rakyat telah diwujudkan bagi membantu golongan yang memerlukan rawatan dialisis secara percuma. Sehingga kini, seramai 49 orang telah mendapat manfaat melalui program ini.

Pusat Dialisis Rakyat yang telah beroperasi pada ketika ini adalah seperti berikut :

- DUN Sementa
- DUN Taman Medan
- DUN Hulu Klang
- Parlimen Ampang



8 Kemudahan Cuti Tambahan

Selaras dengan hasrat sebagai Kerajaan Prihatin yang mengutamakan keluarga, Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan inisiatif kemudahan cuti tambahan kepada penjawat awam seperti berikut:

i. Cuti Bersalin Selama 90 Hari

kemudahan cuti tambahan 30 hari telah diberikan dan penjawat awam kini boleh menikmati kemudahan cuti bersalin selama 90 hari.

ii. Cuti 14 Hari untuk Suami yang Isterinya Bersalin

Kerajaan Negeri Selangor telah memberikan opsyen tambahan cuti selama tujuh (7) hari dan penjawat awam kini boleh menikmati kemudahan empat belas (14) hari cuti bagi urusan tersebut.

iii. Cuti Kematian Suami Selama 30 Hari

Sebelum ini, seseorang penjawat awam diberikan cuti tanpa rekod selama tiga (3) hari di atas kematian suami. Namun kini, kemudahan tersebut telah dipanjangkan sehingga tiga puluh (30) hari bagi cuti berkenaan.

9 SkimSel Skim Mikro Kredit Selangor

Skim Mikro Kredit Selangor (SkimSel) ditubuhkan pada 2010 bagi meningkatkan taraf ekonomi rakyat dan membantu golongan miskin di luar bandar bagi memperoleh dana untuk menjalankan perniagaan. Skim yang dikendalikan Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor ini berjaya memberi bantuan kewangan kepada seramai 5,576 orang dengan perbelanjaan sebanyak RM19.5 juta.

10 MiMBAR Skim Mikro Kredit Miskin Bandar

MiMBAR membantu golongan berpendapatan rendah di bandar untuk meningkatkan pendapatan dengan membuka perniagaan dan perusahaan kecil-kecilan. MiMBAR menawarkan pinjaman tanpa faedah sehingga RM5,000 dan pembayaran balik dalam tempoh satu tahun. Sehingga kini, seramai 1,912 orang telah menerima faedah dengan perbelanjaan RM3.8 juta.

MiMBAR juga menyediakan Skim Wanita Ladang (WALA) dengan peruntukkan RM5 juta untuk wanita yang menetap di estet memulakan perniagaan bagi menambah pendapatan sekali gus meningkatkan taraf hidup keluarga.

11 SMUE Skim Mesra Usia Emas

Skim Mesra Usia Emas (SMUE) memberi manfaat kepada waris warga emas yang berumur 60 tahun ke atas di negeri Selangor tertakluk kepada syarat dan peraturan. Di bawah skim ini, sebanyak RM2,500 akan diberikan kepada waris (penama) warga emas yang telah meninggal dunia, di mana wang tunai sebanyak RM1,000 akan diberikan melalui Pusat Khidmat ADUN kawasan berkenaan. Manakala baki RM1,500 akan diserahkan melalui Pejabat Daerah / Tanah dalam tempoh 60 hari selepas kematian warga emas tersebut dilaporkan. Sehingga kini, sejumlah RM64.3 juta telah disumbangkan oleh Kerajaan Negeri melalui skim ini dengan jumlah penerima seramai 54,243 orang.



12 Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (m³) Pertama



Program ini dilaksanakan sejak 2008 bertujuan mengurangkan beban kewangan rakyat di negeri Selangor. Dianggarkan setiap bulan secara purata seramai 1.2 juta pengguna di negeri ini menikmati kemudahan tersebut dan secara tidak langsung membantu meringankan beban rakyat. Sehingga kini, Kerajaan Negeri Selangor telah membelanjakan hampir RM500 juta untuk bantuan ini.

13 Program Peningkatan Hasil Batuan & Mineral

Peningkatan hasil batuan dan mineral yang dikumpulkan akan dilaburkan dan hasil keuntungan akan diagihkan semula kepada rakyat melalui program-program kebajikan MES. Lantaran itu, Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) yang beroperasi sebagai syarikat kerajaan yang memberi penumpuan kepada pada aktiviti perniagaan pasir. Sehingga kini, sebanyak RM35.8 juta royalti telah diterima oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui program ini.

Program Jom Shopping untuk warga emas mendapat manfaat daripada pembayaran royalti ini di mana RM10 juta setahun diperuntukkan.



MES

PROGRAM-PROGRAM
MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR

*selangor*ku

1 Tabung Warisan Anak Selangor [TAWAS]

Tabung permulaan RM100 kepada anak kelahiran Selangor dengan perlindungan insurans sehingga berusia 18 tahun. Pada usia 18 tahun, semua penerima sijil TAWAS ini berpeluang menerima RM1,500 hasil daripada caruman. Sehingga kini, seramai 30,574 bayi telah didaftarkan untuk program TAWAS secara rasmi.


2 Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang

Bantuan pendidikan kepada anak-anak pekerja ladang dalam bentuk biasiswa, pembinaan dan penyelenggaraan sekolah, kemudahan tuisyen secara percuma, subsidi bas sekolah dan sebagainya. Sehingga kini, seramai 5,902 anak pekerja ladang telah menerima manfaat.



3 Pusat Tuisyen Rakyat

Bantuan pendidikan yang berbentuk kelas tambahan (tuisyen) kepada pelajar lemah dan memperoleh keputusan yang sederhana. Program ini ditawarkan kepada pelajar dari keluarga yang berpendapatan isi rumah RM2,000 ke bawah. Sehingga kini, seramai 13,367 pelajar telah mendapat bantuan daripada program ini.



4 Hadiah Anak Masuk Universiti

Hadiah RM1,000 diberikan kepada anak Selangor yang berjaya melanjutkan pengajian ke Institut Pengajian Tinggi Awam / Swasta yang diiktiraf kerajaan sama ada di peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda. Hadiah ini hanya untuk anak Selangor dari keluarga berpendapatan isi rumah RM1,500 ke bawah. Hadiah ini akan terus dikreditkan dalam akaun penerima atau melalui cek. Sehingga kini, seramai 24,916 orang pelajar telah menerima faedah ini.

Pusat Khidmat Krisis Sehati OSCC

Penubuhan Pusat Khidmat Krisis Sehati (OSCC) di semua hospital di negeri Selangor untuk membantu golongan wanita dan kanak-kanak bagi kes-kes rogol, liwat, keganasan rumah tangga dan sebagainya. Pusat ini juga bertindak sebagai firstrespondent / pointofcontact telah mendapat kerjasama dari jabatan / agensi berkaitan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan jabatan-jabatan lain bagi menyelesaikan kes-kes tersebut. Kerajaan Negeri memperuntukkan RM600,000 bagi penyediaan logistik dan promosi pusat tersebut. Sehingga kini, terdapat enam (6) buah hospital yang menyediakan perkhidmatan ini iaitu:

Hospital Ampang

Jalan Mewah Utara
Pandan Mewah,
68000 Ampang
No. Telefon : 03-42896000
No. Fax : 03-42954666

Hospital Selayang

Lebuhraya Selayang-Kepang
68100 Batu Caves
No. Telefon :
03-61367788/61203233
No. Fax : 03-61377097

Hospital Tengku Ampuan Rahimah

41200 Klang
No. Telefon : 03-3375 7000
No. Fax : 03-3374 9557

Hospital Serdang

Jalan Puchong
43000 Kajang
No. Telefon : 03-89475555
No. Fax : 03-89475210

Hospital Sungai Buloh

47000 Sungai Buloh
No. Telefon : 03-61454333
No. Fax : 03-61454222

Hospital Kajang

Jalan Semenyih
43000 Kajang
No. Telefon : 03-8736 3333
No. Fax : 03-8736 7527



Skim Kesihatan Wanita

Pemeriksaan mammogram secara percuma bagi wanita di negeri Selangor yang berumur 35 tahun ke atas. Program bertujuan memastikan dan meningkatkan kualiti kesihatan di kalangan wanita sebagai langkah awal pencegahan dari sebarang penyakit yang melibatkan wanita. Sehingga kini, seramai 13,949 orang telah menerima bantuan pemeriksaan mammogram secara percuma melalui program ini.

TAWAS

Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)

A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH,
Park City, iCity,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Telefon : 03-55218740 atau 03-55218741
Faksimili : 03-55218742 atau 03-55218743
Emel : tawas@tawas.org.my

Hadiah Anak Masuk Universiti

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor,
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
Cawangan Biasiswa & Pinjaman Pelajaran,
Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul
Aziz Shah,
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-55447385 atau 03-55212306

Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang

Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan
Negeri Selangor, Tingkat 5, Bangunan
Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-55447306 atau 03-55123618
Faks : 03-55106678

Pusat Tuisyen Rakyat

Unit Pendidikan, Bahagian Pengurusan
Sumber Manusia,
Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin
Abdul Aziz Shah,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-55447480 / 7481 / 7482 / 7543
Faks : 03-55104095 / 55135564 / 55447391

SkimSel

Yayasan Dar al Qard al Hasan Selangor

Tingkat 2,
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
40000, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-55447104 / 55191692 / 55212312
Faks : 03-55105582
http://www.skimisel.com

MIMBAR

Mimbar Selangor

A23, Pusat Perniagaan Jubli 20,
Jalan Singa J20/J, Seksyen 20,
40300 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-55413616
Faks : 03-55413617

SMUE

Rangkaian Mesra Sdn. Bhd.

Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan,
No.3, Jalan Indah, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-55103468 atau 03-55103472
Faks : 03-55103455
Emel : mesrausiaemos@gmail.com



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN

MES.SELANGOR.GOV.MY

selangorku